

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18 / 01 / 2008

Vincent seorang kawan – Dr. M

UM - 18/1/2008

KUALA LUMPUR 17 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun adalah seorang kawan dan beliau mengenali ahli perniagaan itu.

“Ya, saya kenal dia (Vincent Tan). Saya mempunyai hubungan dengan dia selama beberapa tahun. Saya kenal rapat dengannya. (Yes, I know him (Vincent Tan). I have relationship with him for many years. I know him very well),” katanya.

Menjawab soalan wakil Badan Peguam Malaysia, Christopher Leong mengenai hubungannya dengan peguam Datuk V.K. Lingam, Dr. Mahathir berkata, beliau hanya mengenali Lingam baru-baru ini.

Katanya, perkenalan itu bermula apabila beliau melantik Lingam sebagai peguam mewakilnya dalam satu kes saman yang difailkan terhadapnya oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya pernah membaca berita mengenai Lingam dalam satu kes lain. Saya baca tentangnya dalam akhbar semasa dia mengendalikan beberapa kes dan saya rasa dia boleh menjadi peguam yang sesuai,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, ada kemungkinan beliau memperoleh nombor telefon Lingam daripada Vincent Tan ketika beliau mula-mula mahu menghubungi peguam itu.

Beliau yang memberi keterangan selama hampir satu jam setengah berkata, Lingam tidak pernah ke rumahnya sebelum peguam itu dilantik mewakilnya.

“Dia datang ke rumah saya selepas dilantik dan lawatannya itu berlaku selepas peristiwa yang disebut dalam klip video ini,” jelasnya.

Katanya, Lingam masih lagi peguamnya ketika ini.

Ketika Christopher meminta beliau merujuk transkrip perbualan klip video



Dia (Lingam) datang ke rumah saya selepas dilantik dan lawatannya itu berlaku selepas peristiwa yang disebut dalam klip video ini

DR. MAHATHIR MOHAMAD

itu, khususnya kata-kata Lingam mengenai nama hakim yang dicalonkan, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu bagaimana peguam itu boleh mengetahui perkara yang sepatutnya menjadi rahsia rasmi kerajaan.

Merujuk kepada surat bahan bukti bertanda C26 iaitu surat Dzaidin mencadangkan Tan Sri Abdul Malek Ahmad sebagai Hakim Besar Malaya, Dr. Mahathir berkata, bekas Ketua Hakim Negara mungkin mengemukakan cadangan itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak ingat jika Dzaidin ada mencadangkan Abdul Malek lebih awal sebelum menamakan Tun Ahmad Fairuz kemudiannya.

Menjawab cadangan yang dikemukakan oleh Christopher, bekas Perdana

Menteri berkata, biasanya, jika beliau mahu mencalonkan seseorang, beliau akan bertanya pandangan pegawai kanan, menimbangkannya lalu memutuskannya.

“Saya tidak ingat secara tepat tapi saya mengingati ada mendengar pandangan umum, membuat konsultasi dengan ketua hakim, menimbangkannya dan membuat keputusan,” katanya.

Jelasnya, beliau mendapat konsultasi ketua hakim tetapi tidak terikat dengan cadangan itu untuk membuat keputusan akhir.

Katanya, sumber maklumat itu boleh jadi daripada orang awam, kakitangan kerajaan, pegawai kanan polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana beliau mahu memastikan calon pilihannya ada-

lah yang terbaik.

Beliau juga tidak menafikan kemungkinan Vincent Tan menjadi sumber maklumat tersebut.

Menjawab soalan mengenai hubungannya dengan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Eusoff Chin, Dr. Mahathir berkata, semasa menjadi Perdana Menteri, beliau berhubungan dengannya.

“Selepas persaraan beliau, saya terputus hubungan dengannya,” jelas beliau.

Akses

Terdahulu, Dr. Mahathir berkata, selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor tidak mempunyai akses atau kuasa rasmi ke atas surat-suratnya dengan Dzaidin.

“Walaupun dokumen ini ditanda sebagai rahsia, dalam proses menyediakannya, ia dilihat oleh jurutaip dan seterusnya, jadi saya tidak dapat pastikan sama ada Tengku Adnan ada akses kepadanya atau tidak,” katanya.

Sementara itu, ketika disoal bagaimana Lingam mengetahui nama-nama calon hakim yang hanya diketahui oleh beliau dan Dzaidin, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu bagaimana Lingam mendapat maklumat itu.

Menjawab soalan peguam M. Puravelan yang mewakili Anwar, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak ingat bertemu dengan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid di Palace of the Golden Horses pada Ogos 1999.

Katanya, beliau bertemu ramai orang di merata-rata tempat dan tidak ingat pernah berjumpa dengan orang tersebut, malah beliau tidak mengingati nama Abdul Murad.